

04/04/2001

Buku tokoh nasionalis berhaluan kiri dilancar

KUALA LUMPUR, Selasa - Buku 'Meniti Lautan Gelora - Sebuah Memoir Politik' karya Said Zahari, seorang tokoh nasionalis berhaluan kiri yang pernah mengetuai mogok Utusan Melayu di ibu negara pada 1961, dilancarkan di Memorial Tunku Abdul Rahman, di sini hari ini.

Buku berkenaan dilancarkan Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Senator Datuk Zainuddin Maidin.

Dalam bahagian pertama buku berkenaan, Said yang dilahirkan pada 18 Mei 1928 dan pernah menjadi Pengarang Berita Utusan Melayu, mencatatkan pengalamannya yang agak kontroversi.

Beliau yang berasal dari keluarga miskin dan mendapat pendidikan awal dalam bidang agama di Singapura, mula menceburi dunia kewartawanan dengan menyertai Utusan Melayu pada 1951.

Dalam bahagian kedua pula, Said menceritakan rentetan kejadian mogok Utusan Melayu pada Julai hingga Oktober 1961. Dalam peristiwa itu, Said dan rakan-rakannya tumpas kepada kekuatan polis dan jentera kerajaan.

Kesannya, Said bukan saja disingkirkan dari Utusan Melayu malah dilarang menjejaki Tanah Melayu. Bagaimanapun, larangan itu dibatalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Mei 1989.

Bahagian ketiga pula menceritakan pembabitan Said dalam arena politik Singapura yang sedang bergolak pada 1961. Beliau mendekati dirinya dengan gerakan politik yang menentang Parti Tindakan Rakyat (PAP) pimpinan Lee Kuan Yew.

Ia juga memuatkan pengalaman Said dalam tahanan selama 17 tahun, penyeksaan jiwa dan ugutan nyawa ke atas dirinya untuk tatapan dan renungan pembaca masa kini dan akan datang.

Said juga mengajak pembaca mengingati peristiwa bersejarah pada 1955 apabila Tunku Abdul Rahman menemui Chin Peng di Baling, Kedah dalam usaha menamatkan darurat.

'Meniti Lautan Gelora' turut mengajak pembaca berkongsi pengalaman Said merentasi liku-liku politik Singapura/Malaya hingga kepada percantuman Singapura/Malaya dan pembentukan Malaysia.

Buku ini ditulis ketika Said menjadi Karyawan Tamu di UKM. Ia disunting secara profesional oleh UKM dan diterbitkan serta diedarkan oleh Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Buku ini dijual pada harga RM28 dan boleh didapati dari kedai buku utama di seluruh negara.

(END)